



Ruj. Kami : JAWI.K.100-3/6 (30)
Tarikh : 28 April 2020M
05 Ramadhan 1441H

**Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kariah
Masjid di Wilayah-Wilayah Persekutuan**

**Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Surau Jumaat
Dan Surau di Wilayah-Wilayah Persekutuan**

Imam Besar Masjid Wilayah Persekutuan

**Naqib Masjid/Ketua Imam
Masjid di Wilayah-Wilayah Persekutuan**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan,

**PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT FITRAH 1441H/2020M DI MASJID,
SURAU JUMAAT DAN SURAU DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN
SEPANJANG PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan sedia maklum, pembayaran zakat fitrah merupakan kewajipan ke atas umat Islam. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah pihak berkuasa agama yang bertanggungjawab mengurus hal ehwal zakat dan fitrah di Wilayah Persekutuan termasuk pelantikan Ketua Amil dan Amil bagi kutipan zakat fitrah di masjid, surau Jumaat dan surau sempena Ramadhan 1441H. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang dikuat kuasakan oleh kerajaan bagi memutus rantaian wabak COVID-19 mesti dipatuhi sewajarnya. Dalam hal ini, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) komited dalam melaksanakan dasar dan peraturan ditetapkan kerajaan dan turut bertanggungjawab dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan orang ramai terpelihara.

JAWI.K.100-3/6 (30)

PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT FITRAH 1441H/2020M DI MASJID, SURAU JUMAAT DAN SURAU DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN SEPANJANG PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan, MAIWP telah menetapkan dua cara pembayaran zakat fitrah pada tahun ini iaitu pembayaran atas talian (*online*) dan pembayaran secara terus kepada Amil. Pembayaran secara atas talian sama ada menggunakan aplikasi SnapNPay, boost, e-payment, e-wallet dan lain-lain telah menjadi keutamaan JAWI kerana ia memudahkan umat Islam membayar zakat fitrah dan selamat.

4. Mengambil kira penguatkuasaan PKP, perkembangan semasa COVID-19 di Wilayah Persekutuan dan setelah mendapat kebenaran yang diberikan oleh Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan, JAWI **membenarkan** pembayaran zakat fitrah dilaksanakan secara terus kepada Amil-Amil melalui pembukaan kaunter zakat fitrah termasuk kaunter zakat fitrah *drive thru* atau pandu lalu di masjid, surau Jumaat dan surau di Wilayah-Wilayah Persekutuan dengan syarat-syarat seperti berikut:

- i. Membuka kaunter zakat fitrah di pekarangan masjid, surau Jumaat dan surau sahaja;
- ii. Mengehadkan waktu operasi kaunter antara 9.00 pagi hingga 7.00 petang setiap hari;
- iii. Mengehadkan bilangan maksimum amil bertugas kepada dua (2) orang sahaja pada satu-satu masa;
- iv. Mematuhi penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter;
- v. Memakai penutup hidung dan mulut dan menggunakan pensanitasi tangan (*hand sanitizer*) dan sarung tangan semasa bertugas;
- vi. Mengelakkan bersalaman atau bersentuhan semasa pembayaran zakat fitrah;
- vii. Amil yang mempunyai gejala seperti demam, selesema dan batuk tidak dibenarkan bertugas; dan

JAWI.K.100-3/6 (30)

PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT FITRAH 1441H/2020M DI MASJID, SURAU JUMAAT DAN SURAU DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN SEPANJANG PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- viii. Mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
5. Sehubungan dengan itu, semua Pengerusi Masjid, Surau Jumaat dan Surau di bawah pentadbiran JAWI serta Naqib Masjid/Ketua Imam di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya dipohon mengambil maklum dan melaksanakan ketetapan ini.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI MOHD AJIB BIN ISMAIL, KMW)

Pengarah

Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

JAWI.K.100-3/6 (30)

**PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT FITRAH 1441H/2020M DI MASJID,
SURAU JUMAAT DAN SURAU DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN
SEPANJANG PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP)**

Salinan Kepada:

YB Menteri Wilayah Persekutuan

YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

YB Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan

YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

Pengerusi
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

YDH Ketua Polis Kuala Lumpur

Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan

Pengarah Keselamatan Negeri
Majlis Keselamatan Negara (MKN)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Timbalan Pengarah Operasi, JAWI

Timbalan Pengarah Pengurusan, JAWI

Pengurus Baitulmal
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)

Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan Masjid, JAWI

JAWI.K.100-3/6 (30)

**PELAKSANAAN KUTIPAN ZAKAT FITRAH 1441H/2020M DI MASJID,
SURAU JUMAAT DAN SURAU DI WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN
SEPANJANG PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN
(PKP)**

Ketua Penolong Pengarah Kanan
JAWI Cawangan Putrajaya

Ketua Penolong Pengarah Kanan
JAWI Cawangan Labuan

Ketua Polis Daerah Putrajaya

Ketua Polis Daerah Labuan

Pegawai-Pegawai Tadbir Agama Zon, JAWI